

Update Reunion 2009 !

Contributed by Mohamad Syahir B. Mohamad Zaini
 Wednesday, 21 January 2009
 Last Updated Wednesday, 21 January 2009

Salam semua , Lama tak dengar cerita . Sedikit update tentang Reunion yang ditunggu-tunggu oleh kita Semua . Bahang dan Aura Reunion 2009 semakin terasa . Sila klik readmore atau picture di atas untuk keterangan lanjut.

Update Mengenai Aktiviti yang akan di lakukan .

26 January 2009 , Isnin .

2.00 PM

*Semua orang Berkumpul di HTO De Futsal , Subang Jaya . (alamat dan peta akan diupdate kelak) .
 *Semua orang yang hadir , Wajib main futsal ! . Jangan risau pasal bayaran , semuanya di TANGGUNG .

Anda cuma perlu datang dan memeriahkan suasana ! 7.00 PM

*Permainan Tamat dan keputusan futsal akan di umumkan . Hadiah? . Rahsia...

*Tak lupa aktiviti bergambar bersama!8.00 PM

*Bergerak ke Masjid (Belum ditentukan , akan diupdate di sana) , dah lama kita tak berjemaah bersama. 8.30 PM

*Selesai solat maghrib , kita ke aktiviti seterusnya , BBQ .

*Tempat juga tidak ditetapkan lagi , buat masa ini , kemungkinan besar di rumah agam saudara Jubei .

*Ada sedikit bayaran , tapi tak banyak mana . 10.30 PM

*Lepas semua selesai makan , kemungkinan besar aktiviti yang akan diadakan ialah menonton wayang . Tapi aktiviti ini fleksibel , jika ada cadangan yang lebih bernas dan memuaskan nafsu semua orang , boleh disampaikan .

Habis bila? . Ini tak dapat nak di tentukan , kemungkinan lewat sampai ke pagi . =)

Update mengenai Penginapan .

Setelah berurusan , Condominium di Lagoon Perdana , Sunway , Subang Jaya milik rakan-rakan seperjuangan kita dari batch lain , akan menjadi penginapan utama .

Bagi yang selebihnya , Rumah saudara Muzal dan rakan-rakan batch yang lain pun ada . Jangan risau . Kami tak akan biarkan anda tidur di luar rumah.

Update Mengenai Pengangkutan .

Sini saya senaraikan rakan-rakan batch yang akan datang dengan kenderaan . Jubei Muzal Mamsod Effa Itik Capoi AK APO Aidil BantalJazmie Peteh Anep Izlan

Nama yang terpilih kat atas ni , wajib bawak kereta (Pesan Saudara Muzal) . =)

Bagi yang hadir juga dengan kenderaan , boleh bagitau di ruangan komen , saya akan update di sini .

More Updates ?

Bagi yang jauh , tolonglah datang , kali ini sahaja kita mahu berjumpa , bersuka ria , gelak ketawa dan main senyum-senyum antara rakan batch .

Datang lah , lagi ramai lagi meriah . Bagi yang di utara dan pantai timur , datanglah . 3 tahun kita tidak bersama , mungkin kali ini yang paling sesuai!

*Sekarang purata yang datang ialah 50++ orang .

Kalau ada yang nak datang lagi , inform pada organizer kita(jubei(012 226 5054) dan muzal(013 200 5913)) .

*Jadi Semua , tolong inform pada yang lain , minta ehsan rakan-rakan untuk sampaikan pada semua .

*Bagi yang ada blog , buat lah satu entri mengenai perkara ini , Biar semua orang boleh tahu!

Semua telah kami sediakan , dari penginapan , sehingga ke pengangkutan , anda hanya perlu datang untuk memeriahkan suasana ! .Let's rock this event and make it a remembrance to all!